

قیٰقِن قیٰتہ

PETIKAN TITAH

"BELIA seperti ini tidak syak lagi adalah belia yang berwawasan lagi cemerlang. Negara adalah bersungguh-sungguh mengimpikan mereka. Tanpa mereka, negara akan kehilangan tonggak atau pasaknya."

- Titah Sempena Hari Belia Kebangsaan Ke-11

pada 3 Safar 1438H /
3 November 2016M.

Waktu Sembahyang



TAHUN 64 / BILANGAN 94

7 OGOS 2019 / 1440 ذوالحجہ 6

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU / PERCUMA

مانیسٹر ایمان

MANISNYA IMAN

"DAN Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dengan sebaik-baiknya."

- Firman Allah
Subhanahu Wata'ala
dalam
Surah Al Israa', ayat 23.

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

Belia wajar tampil ke hadapan memainkan peranan

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Bismillaahir Rahmaanir Raheem
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen,
Wabihihee Nasta'eenu 'Alaa
Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu'
Wassalaamu 'Ala Asyaraafil
Mursaleen, Sayyidina
Muhammadin, Wa'alaa Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

BETA bersyukur, ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana atas izin-Nya juga dapatlah kita berkumpul menghadiri Perhimpunan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14 pada pagi ini.

Di masa akhir-akhir ini, beta turut berbesar hati atas komitmen tinggi para belia terhadap pembangunan negara. Ini bukan sahaja melalui pelbagai penglibatan dan inisiatif, bahkan juga turut menyumbang secara langsung kepada pembentukan dasar-dasar kerajaan, seperti melalui Kongres Belia Kebangsaan 2019 dan rebuu Dasar Belia Negara.

Juga semakin menonjol, para belia sekarang sudah turut meminati bidang pertanian dan agrimakanan, sebagai satu pilihan perusahaan.

Ini sangatlah bagus kerana bidang pertanian berpotensi untuk dikembangkan, lebih-lebih lagi sesuai dengan keupayaan para belia untuk menggunakan kaedah-kaedah baharu, yang dilihat mungkin mudah untuk meningkatkan produktiviti dan sekali gus menembusi pasaran luar negara.

Para belia berhak untuk menerima ucapan syabas kerana menyahut cabaran menyertai Program Pendedahan Pertanian dan Perladangan berskala besar.

Beta yakin, ini boleh membawa perubahan signifikan kepada kehidupan kita pada masa kini dan akan datang. Para belia, dengan didorong oleh kepesatan teknologi, tidak akan berundur ke belakang meninggalkan bidang-bidang yang menjadi *favourite*, seperti kesenian dan kreatif. Mereka akan terus meneroka pelbagai produk untuk dikembangkan.

Ini semua adalah pelaburan yang perlu diperkasa. Para belia wajar tampil ke hadapan untuk memainkan peranan. Mereka tidak boleh jumud (beku), tetapi mustahak untuk aktif dan dinamik sepanjang masa.

Kerajaan beta sangat prihatin, supaya para belia jangan hanya duduk-duduk atau asyik berseronok sahaja, tetapi paculah semangat untuk menjawai usaha-usaha yang berkebajikan. Sebagai contoh keprihatinan ini, kerajaan beta telah menujuhkan sebuah Jawatankuasa Pandu Keusahawanan Belia. Jawatankuasa ini khusus sebagai para belia pemudah cara bagi para



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14 pada Sabtu, 2 Zulhijjah 1440H / 3 Ogos 2019M di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

belia memulakan perniagaan dan perusahaan, sehingga dengan itu, akan memungkinkan mereka benar-benar berdaya saing membina diri dan secara langsung menyumbang kepada

penonton, tetapi yang kita mahu ialah untuk bersaing sehingga ke arena global. Namun persaingan, bukanlah dengan tangan kosong, tetapi dengan ilmu, pengalaman dan kemahiran. Tanpa ilmu, pengalaman dan kemahiran, tidak akan ada apa-apa yang boleh dihasilkan.

Para belia kita tidak lagi terkurung dalam kekosongan, tetapi telah muncul membawa idea-idea baharu untuk kehidupan. Maka sehubungan ini, kerajaan beta telah mengambil langkah

menyediakan beberapa program keusahawanan untuk direbut oleh mereka.

Pada tahun lepas, kita telah pun menyediakan 60 kontrak, di mana 10 daripadanya telah dianugerahkan kepada pengusaha-pengusaha belia, sedang sasaran kita sehingga akhir tahun 2021 adalah sebanyak 200 kontrak.

Kita tidak mahu untuk hanya jadi

manakala keuntungan ukhrawai pula, titah baginda, ialah dengan mempelajari ilmu itu juga adalah ditutut kepada semua umat Islam, seperti ilmu ugama yang menjadi fardhu 'ain dan ilmu-ilmu selainnya yang menjadi fardhu kifayah.

Melihat kepada kepentingan tersebut, baginda menjelaskan bahawa telah menjadi dasar kerajaan baginda untuk memberikan pendidikan percuma di samping pengurniaan biasiswa-biasiswa bagi yang berkelayakan.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menaruh harapan kepada lepasan-lepasan institusi pengajian tinggi Islam, khususnya keluaran dari Universiti Al-Azhar untuk mengikuti jejak langkah generasi awal yang telah memanfaatkan ilmu yang diperoleh mereka kepada negara, kerana para penuntut adalah sebagai 'calak zaman' untuk melakar sejarah bangsa dan negara.

Titah baginda itu adalah sebagai pembakar semangat kepada para penuntut, khususnya yang dikurniakan biasiswa agar mengotakkan janji pulang ke tanah air dengan membawa kejayaan yang cemerlang dan seterusnya menabur bakti kepada negara, tetapi bukannya seperti 'kacang lupukan kulit'. Di samping mempunyai semangat patriotisme atau kesetiaan kepada negara.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

Dari Sidang Pengarang.

7 OGOS 2019 BERSAMAAN 1440 ذوالحجـة 6

MANFAATKAN ILMU DAN PENGALAMAN

TIDAK mustahil hasrat negara menjelang 2035 untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam terkenal di seluruh dunia sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran, kualiti hidup yang tinggi serta mempunyai pendapatan per kapita yang teratas setara dengan 10 negara teratas di dunia akan menjadi kenyataan. Dalam hal ini, ianya amat bertepatan dengan strategi pendidikan yang digarisankan dalam wawasan negara, iaitu pendidikan pelaburan yang sangat penting.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sendiri bertekad agar pencapaian yang dijana melalui sistem pendidikan akan menentukan hala tuju negara pada masa depan. Malahan proses pendidikan merupakan kaedah yang sangat berkesan bagi membentuk dan mengembangkan minda, jiwa dan rohani ke arah mengenali diri dan mencapai tahap kehidupan bermasyarakat yang baik dan sempurna.

Daripada perspektif yang berbeza, bidang pendidikan juga dikenal pasti sebagai jambatan yang membawa pengetahuan, latihan, potensi, minat dan semua elemen kualiti yang ada pada manusia iaitu modal insan ke suatu dimensi yang lebih dinamik dan progresif bagi mengerakkan kemajuan negara.

Pelaburan dalam modal insan ini dilihat sebagai pelaburan yang tinggi, di samping usaha kerajaan bagi meningkatkan daya tahan dan pertumbuhan ekonomi serta membentuk sebuah masyarakat yang mempunyai sistem nilai yang boleh diteladani khususnya para pelajar kita yang telah ramai diberikan, dikurniakan, dianugerahkan pelbagai biasiswa, kemudahan dan lain-lain dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Perkara ini bertepatan dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Majlis Bersama Rakyat dan Penduduk Negara Brunei Darussalam sempena dengan Lawatan Negara baginda di Republik Arab Mesir kelmarin 5 Ogos 2019 yang berlangsung di Hotel Intercontinental Citystars, Mesir yang menekankan kepada para penuntut yang belajar di Republik Arab Mesir agar terus belajar dan tidak menghamparkan negara dan ibu bapa.

Titah baginda, keuntungan dunia ni adalah berupa ilmu dan pengalaman yang didapat boleh digunakan untuk membangun ummah dan negara. Dari itu menurut baginda, kehebatan ilmu itu adalah mudah untuk dijelaskan dengan melihat kepada bangsa-bangsa yang maju di dunia.

Manakala keuntungan ukhrawai pula, titah baginda, ialah dengan mempelajari ilmu itu juga adalah ditutut kepada semua umat Islam, seperti ilmu ugama yang menjadi fardhu 'ain dan ilmu-ilmu selainnya yang menjadi fardhu kifayah.

Melihat kepada kepentingan tersebut, baginda menjelaskan bahawa telah menjadi dasar kerajaan baginda untuk memberikan pendidikan percuma di samping pengurniaan biasiswa-biasiswa bagi yang berkelayakan.

Dalam hal ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia menaruh harapan kepada lepasan-lepasan institusi pengajian tinggi Islam, khususnya keluaran dari Universiti Al-Azhar untuk mengikuti jejak langkah generasi awal yang telah memanfaatkan ilmu yang diperoleh mereka kepada negara, kerana para penuntut adalah sebagai 'calak zaman' untuk melakar sejarah bangsa dan negara.

Titah baginda itu adalah sebagai pembakar semangat kepada para penuntut, khususnya yang dikurniakan biasiswa agar mengotakkan janji pulang ke tanah air dengan membawa kejayaan yang cemerlang dan seterusnya menabur bakti kepada negara, tetapi bukannya seperti 'kacang lupukan kulit'. Di samping mempunyai semangat patriotisme atau kesetiaan kepada negara.

- Ketua Penyuntingan (Zs).

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
BANDAR SERI BEGAWAN		
33 °C	34 °C	34 °C
25 °C	26 °C	25 °C
'/'	'/'	'/'
PEKAN BANGAR		
33 °C	33 °C	34 °C
25 °C	26 °C	25 °C
'/'	'/'	'/'
PEKANTUTONG		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	26 °C	25 °C
'/'	'/'	'/'
KUALA BELAIT		
33 °C	34 °C	33 °C
25 °C	26 °C	25 °C
'/'	'/'	'/'

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi OGOS	HARI	Hijrah ZULHIJJAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	RABU	6	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.48
8	KHAMIS	7	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.46	6.35	7.47
9	JUMAAT	8	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
10	SABTU	9	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.45	6.35	7.47
11	AHAD	10	4.46	4.56	6.17	6.40	12.27	3.44	6.34	7.46
12	ISNIN	11	4.46	4.56	6.17	6.40	12.26	3.44	6.34	7.46
13	SELASA	12	4.46	4.56	6.17	6.40	12.26	3.43	6.34	7.46

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
NDMC 123 | 2380214

Keterlibatan belia penting dalam transformasi negara

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Ogos. - Para belia hendaklah sentiasa bergiat aktif melibatkan diri dalam hal ehwal pembangunan negara di dalam mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Ini kerana negara amat memerlukan dan menunggu penglibatan para belia dalam sama-sama bekarikh dan bejarikh sehingga seluruh ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Perkara tersebut ditekankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud semasa Majlis Pelancaran Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Tambah Yang Berhormat, keterlibatan para belia sebagai

pemangkin transformasi di dalam proses transformasi negara adalah penting, justeru itu, perubahan, penghijrahan dan transformasi adalah satu kemestian dalam usaha menuju dan mencapai negara yang maju dan dinamik.

Seandainya para belia di negara ini mempunyai wawasan jelasnya, sudah pasti belia tersebut yang hebat dan seterusnya menjamin kemakmuruan dan kemajuan negara pada masa hadapan.

Terdahulu itu, Yang Berhormat berkata, dengan perpaduan, permuafakatan dan sikap bersatu hati dalam kalangan para belia sudah tentunya akan dapat membantu pihak Kerajaan mencapai dan merealisasikan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035 dan seterusnya membantu membangunkan dan memajukan Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Yang Berhormat seterusnya

menekankan bahawa penglibatan para belia di dalam pembangunan negara adalah amat penting dan perkara ini sering kali ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam antaranya semasa titah baginda pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-12 yang telah diadakan pada 1 Ogos 2017.

Menyentuh tentang konvensyen tersebut, Yang Berhormat berharap agar semua pihak yang terlibat mengambil manfaat melaluinya dan para belia akan dapat bekerjasama secara erat dengan pihak-pihak yang berkepentingan khususnya mereka yang dijemput secara khas di dalam konvensyen ini, dalam mengaplikasikan idea, nasihat dan pandangan yang dikongsikan oleh mentor-mentor yang diundang di dalam konvensyen ini.

Pihak Kerajaan terangnya, akan senantiasa terbuka dan menerima idea-idea yang berasas daripada para belia demi untuk kebaikan dan kemakmuruan negara yang kita cintai ini.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud berucap semasa Majlis Pelancaran Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2019 bertempat di Institut Perkhidmatan Awam.

200 belia sertai BYLC 2019

belia-belia di Negara Brunei Darussalam berumur di antara 18 hingga 40 tahun, bersama-sama pihak-pihak yang berkepentingan dalam sama-sama memobilisasikan para belia untuk mempunyai perasaan kepunyaan serta memainkan peranan aktif di dalam mencapai Wawasan Brunei 2035.

Konvensyen tersebut dihasilkan untuk menyokong Wawasan Brunei 2035 yang mempunyai tiga matlamat utama, iaitu, Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya; Kualiti Kehidupan Rakyat yang Tinggi; dan Ekonomi Dinamik dan Berdaya tahan.

Ahli Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad, menjelaskan perkara tersebut semasa Majlis Pelancaran BYLC 2019 yang berlangsung

di Institut Perkhidmatan Awam, di sini.

Di antara pembaharuan dan penambahbaikan pada tahun ini katanya ialah mengadakan Youth Pavilion di mana para peserta boleh berinteraksi, belajar serta membina rangkaian kerja bersama agensi-agensi berkepentingan dalam pergerakan dan pembangunan belia seperti NGOs, keusahawanan sosial, pengawas kejiranan dan pergerakan-pergerakan belia yang lainnya, serta forum mengongsikan projek-projek yang dilaksanakan oleh belia termasuk juga alumni BYLC sendiri yang membuktikan bahawa belia-belia sendiri boleh melaksanakan dan menjalankan inisiatif-inisiatif sendiri di dalam memberi sumbangan kepada Wawasan Brunei 2035.

"Konvensyen ini diungkayahkan

bersifat 'Whole of Nation Approach', di mana iaanya dilaksanakan oleh pemimpin-pemimpin belia secara youth-led di bawah tiga social enterprise belia iaitu Perspective Insan Academy, Al-Huffaz Management serta Generasi Bekarikh, serta disokong oleh pelbagai peringkat di dalam masyarakat, termasuk pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, pihak swasta, badan-badan bukan kerajaan (NGO), pakar-pakar dan profesional, serta belia-belia," ujarnya lagi.

Majlis pelancaran konvensyen disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud.

Pada majlis tersebut, Yang Berhormat Menteri di JPM juga menyempurnakan penyampaian sijil-sijil kepada para mentor, rakan strategik, penaja dan penyokong konvensyen berkenaan.

Hari pertama konvensyen juga diteruskan dengan ucaptama bertajuk Wawasan Brunei 2035 yang disampaikan oleh Pemangku Pengarah Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, JPM, Dayang Dr. Hajah Huraini binti Pehin Orang Kaya Setia Jaya Dato Paduka Haji Hurairah.

BYLC 2019 dianjurkan bersama oleh Perspective Insan, Al-Huffaz Management dan Generasi Bekarikh yang diadakan selama tiga hari bermula hari ini hingga 8 Ogos 2019 dan disertai oleh seramai 200 orang belia berumur 18 hingga 40 tahun.

Bagi maklumat lanjut dan terkini mengenai konvensyen tersebut bolehlah melayari laman sesawang www.bylconvention.com atau melalui laman sosial Instagram/Twitter/Facebook @bylconvention.



YANG Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud (kiri) ketika menyempurnakan penyampaian sijil kepada salah seorang mentor Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2019.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 6 Ogos. - Konvensyen

Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2019 adalah sebuah perkumpulan



SEBAHAGIAN daripada peserta Konvensyen Pemimpin Muda Brunei (BYLC) 2019 (kiri dan kanan).



Rencana dan Foto : Dk. Halimatul Najmoon Pg. Mohamad,
Penempatan Mahasiswa Universiti Malaysia Sabah di Seksyen
Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei



CELINA Merin.

NUR Hannan Hafzifa binti Sambery, Nur Alyesha Fizatul 'Ain binti Sanusi dan Awangku Md. Arsyad bin Pengiran Iskandar.

Penglibatan belia semarakkan Hari Keputeraan Kebawah DYMM

BELIA adalah aset terpenting negara kerana golongan belia bakal mewarisi kesinambungan bangsa seterusnya berperanan penting dalam pemangkin hala tuju negara. Belia merupakan pewaris bangsa dan negara yang bakal menjadi pemimpin dan memikul tanggungjawab bagi menerajui negara pada masa hadapan.

Oleh itu, untuk melahirkan belia yang berkualiti dan mampu untuk membangun dan memajukan negara, maka seseseorang negara itu memerlukan belia yang cemerlang. Kecemerlangan yang dimaksudkan adalah bersifat menyeluruh, selain daripada menjadi pemangkin dalam hala tuju dan pembangunan negara, belia juga berperanan untuk melibatkan diri dalam sama-sama menjayakan hari-hari kebesaran negara. Semangat patriotik dan nasionalisme seharusnya ada dalam diri seorang belia sebagai salah satu ciri kecemerlangan yang dimaksudkan.

Bila kita mempertakar mengenai sambutan hari-hari kebesaran negara, lazimnya bulan Julai adalah bulan yang istimewa bagi penduduk di Negara Brunei Darussalam kerana ia merupakan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan raja yang dikasih yang mana pada tahun ini genaplah 73 tahun usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Seperti tahun-tahun yang lepas, banyak acara-acara menarik yang telah diatur oleh Jawatankuasa Perayaan antaranya Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat di keempat-empat daerah, gerai-gerai perayaan, persembahan kebudayaan dan keagamaan yang mengambil tempat di pentas-pentas perayaan di keempat empat buah daerah sebagainya.

Kepentingan Penglibatan Belia

Pelita Brunei telah pun menemu buah beberapa individu yang terdiri daripada golongan belia di salah satu Majlis Ramah Mesra dan Junjung Ziarah Bersama Rakyat. Mereka yang ditemu buah telah memberikan pendapat mereka mengenai kepentingan penglibatan belia dalam menyemarakkan acara-acara Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM. Bagi Krisdnata, penglibatan belia adalah penting kerana ia boleh menjadi ristaan dalam lipatan sejarah, para belia boleh menyimpan kenangan dalam turut serta di acara-acara Hari Keputeraan seperti membuat persembahan khas, mengibar bendera semasa Majlis Ramah Mesra Bersama Rakyat, mereka dapat menyampaikan kepada anak cucu mereka bahawa mereka pernah menjadi sebahagian daripada acara bersejarah yang hanya diadakan setahun sekali.

Manakala Celina Merin, 22, berpendapat

bahawa penglibatan belia dalam acara Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM juga adalah penting kerana belia merupakan generasi penyambung, menjadi pelapis kepada generasi sebelumnya dan tanpa belia, maka acara-acara kebesaran negara akan menjadi kurang menyerlah. Nairiyah Tahamit, 33 pula mengatakan bahawa penglibatan belia dalam acara-acara sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM adalah penting kerana ia merupakan pengorbanan dan sumbangan para belia kepada baginda.

Belia di negara ini adalah beruntung kerana Kerajaan Kebawah DYMM memberikan kemudahan dan bantuan bagi para belia khususnya dari segi pendidikan. Sebagai contoh, di sekolah-sekolah menengah kerajaan, murid-murid tidak perlu membeli buku teks, mereka hanya perlu meminjam daripada pihak sekolah. Bantuan bas sekolah, bantuan sarapan pagi dan alat tulis serta buku nota juga diberikan bagi mereka yang memerlukan. Kerajaan Kebawah DYMM juga menawarkan Skim Penganugerahan Biasiswa dan Skim Pinjaman Pendidikan kepada para belia di negara ini yang ingin melanjutkan pelajaran di universiti luar negara.

Dengan semua kemudahan dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah DYMM kepada rakyat dan penduduk

di negara ini, rasanya adalah wajar bagi para belia untuk melibatkan diri di acara-acara sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM menunjukkan rasa kasih mereka kepada raja yang tercinta.

Nur Hannan Hafzifa binti Sambery, Nur Alyesha Fizatul 'Ain binti Sanusi dan Awangku Md. Arsyad bin Pengiran Iskandar, merupakan pelajar-pelajar dari Sekolah Menengah Sayyidina Ali yang turut serta dalam Persembahan Khas berpendapat bahawa penglibatan belia dalam acara-acara sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM juga boleh menanamkan semangat patriotik dan rasa kasih yang tidak berbelah bahagi kepada Kebawah DYMM.

Pelita Brunei juga berkesempatan menemu buah sebuah keluarga kecil yang terdiri dari tiga generasi yang hadir bagi menyaksikan sendiri acara penuh gilang gemilang tersebut. Menurut Hajah Airah binti Haji Suhaili (nenek), Selamah binti Haji Bujang (ibu) dan Md. Edy Sham Reduan (cucu) dengan adanya belia-belia yang melibatkan diri dalam acara-acara sempena Sambutan Hari Keputeraan Kebawah DYMM, boleh menjadi contoh kepada golongan kanak-kanak yang menyaksikan acara-acara tersebut, agar dapat menerapkan semangat kasih dan setia kepada raja di dalam diri mereka dan kelak dapat mengikuti jejak belia-belia yang ada pada masa ini dan golongan warga emas yang menyaksikan acara penuh bersejarah tersebut juga merasa bangga dengan penglibatan belia yang menjadikan mereka aset terpenting negara.

